



SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/02/22_06 (HQ)

TNB MENDUKUNG MALAYSIA MENUJU SIFAR BERSIH MELALUI PROJEK SOLAR TERAPUNG BERSKALA BESAR BAGI PENGURANGAN PELEPASAN KARBON NEGARA

- Tenaga hijau terapung - Aset solar terapung TNB di Manjung, Perak, menjadi templat bagi Malaysia sempena peningkatan peramcangan projek seumpamanya dalam dan luar negara
- Pembekalan tenaga grid kebangsaan - Ladang solar terapung melengkapkan sumber tenaga boleh baharu (TBB) lain untuk pembekalan tenaga kepada grid kebangsaan dengan potensi peningkatan ketara tenaga bersih
- 2500MW Solar Terapung – Hibrid Hidro (HHFS) - TNB akan memanfaatkan kawasan tasik empangan hidronya

Selepas kejayaan projek percubaan solar terapungnya di kolam abu Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) di Manjung, Perak, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kini memulakan projek HHFS Photovoltaic (PV) di bawah Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) di tasik empangan hidronya.

"Projek percubaan di SJSAS telah mencapai kejayaan. Kami dapat menggunakan kawasan permukaan air secara inovatif. Dalam usaha negara untuk bergerak ke arah masa depan berkarbon rendah dan kelestarian alam, TNB melalui anak syarikat penuhnya, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) bercadang untuk melaksanakan projek pembangunan 2,500 Megawatt (MW) HHFS. Inisiatif Peralihan Tenaga ini bertanggungjawab dalam menyediakan solusi tenaga lestari dengan impak ekologi yang positif," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din.

Beliau menjelaskan bahawa dengan menggunakan air untuk pepasangan solar, TNB boleh menjimatkan penggunaan tanah, mengekalkan habitat semula jadi dan mengurangkan pengewapan air. Berbeza dengan loji janakuasa termal, ladang solar terapung tidak menghasilkan buangan air atau udara yang boleh memberi kesan negatif kepada kualiti persekitaran (air atau udara). Ia membantu mengurangkan pencemaran dan menyokong biodiversiti dengan kadar gangguan yang minimum kepada ekosistem akuatik.

"Solar terapung adalah sejajar dengan prinsip pembangunan tenaga Lestari dengan mengurangkan impak perubahan iklim, melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau serta memberikan manfaat ekonomi dari segi pelaburan dan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Secara keseluruhannya, ia mencerminkan integrasi harmoni penjanaan TBB dengan pemeliharaan alam sekitar."

S.A. 2024/02/22_06 (HQ)

"Perancangan teliti dan penilaian impak alam sekitar merupakan aspek penting dalam memastikan integrasi yang lestari bagi pepasangan ini ke dalam ekosistem air. Untuk solar terapung mini TNB di SJSAS, kami menjalankan kajian ekologi melalui TNB Research Sdn Bhd (TNBR), anak syarikat milik penuh TNB. Setiap komponen sistem solar terapung dipilih & direka dengan teliti. Malahan pengapung atau ponton juga diperbuat daripada polyethene berketumpatan tinggi yang diperakukan (*certified food-grade high-density polyethene*) untuk mengurangkan impak ke atas kualiti air. Projek ini tidak menunjukkan kesan buruk terhadap hidupan liar yang tinggal di kawasan sekitar."

Sejak tahun 2019, Solar Terapung PV di kolam abu seluas 175 hektar di SJSAS telah menghasilkan lebih 600MWh tenaga. Terdapat 288 modul PV solar yang telah dipasang dengan kapasiti sebanyak 105.12kWp, setara dengan pengurangan CO2 sebanyak 390 tan selama 4 tahun beroperasi, atau penyerapan CO2 oleh 15,624 pokok. Tenaga elektrik yang dihasilkan oleh sistem ini mampu memenuhi keperluan tenaga bagi 30 buah rumah.

TNB merancang untuk mempercepat pelaksanaan 2,500MW HHFS, bermula dengan 30MW di Empangan Hidro Chenderohnya, diikuti dengan lokasi di Empangan Hidro Temenggor dan Kenyir. "Ladang solar terapung boleh melengkapkan sumber TBB lain untuk membekalkan tenaga kepada grid kebangsaan dengan potensi untuk meningkatkan tenaga bersih secara ketara," tambah Baharin.

Sebagai entiti utama, TNB telah menandatangani kerjasama dengan agensi – agensi negeri yang berkaitan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan Terengganu Incorporated (TI) untuk memastikan pembangunan HHFS dilaksanakan dengan berjaya dan bertanggungjawab.

Baharin menekankan bahawa TNB mengambil langkah yang besar dalam komitmennya untuk mendorong inisiatif TBB dan teknologi bersih serta memimpin projek unggul yang penting seperti yang dinyatakan dalam NETR. Usaha dalam bidang solar terapung merupakan sebahagian daripada strategi TNB untuk mempercepatkan dekarbonisasi dalam penjanaan tenaga.

TNB juga berusaha mengurangkan penjanaan daripada loji arang batu dan menukar kepada sumber tenaga solar dan gas, di samping memastikan keselamatan dan kestabilan bekalan elektrik dipelihara. TNB akan terus meneroka peluang dan mencari solusi baharu untuk mencipta nilai bagi pelanggannya, para pemegang saham, dan pihak berkepentingan lain. Pada masa yang sama, TNB akan terus meningkatkan prestasi dalam aspek Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urusnya (ESG).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Februari 2024, jam 11.30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace

Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731,

atau emel kami: media@tnb.com.my



Ilustrasi artis - TNB Genco dan PKNPk sedang mengkaji potensi untuk pemasangan sehingga 100MW Solar Terapung – Hibrid Hidro (HHFS) di Empangan Hidro Sungai Perak.